

PM-KEMPEN

1983

KUALA LUMPUR, 2 OKT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYESALI SIKAP PENDUDUK NEGARA INI YANG HANYA MENERIMA KEBENARAN BAHAWA KEBERSIHAN ITU BAIK TETAPI TIDAK MENGAMALKANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEPERTI APA JUGA YANG BAIK, MASYARAKAT NAMPAKNYA HANYA DAPAT MENERIMA SESUATU KEBAIKAN ITU JIKA DIPAKSA DAN DIKAWAL OLEH UNDANG-UNDANG.

+ADALAH LEBIH BAIK SESUATU YANG BAIK, SEPERTI KEBERSIHAN, DIAMALKAN TANPA PAKSAAN,+ TEGAS BELIAU SEMASA MELANCARKAN KEMPEN KEBERSIH-, BAGI SELURUH NEGARA DI MEDAN LETAK KERETA DI JALAN MEDAN BUNUS DI SINI.

BELIAU MENSIFATKAN KEMPEN ITU SEBAGAI SATU LAGI NILAI ISLAM YANG AKAN DIAMALKAN DI NEGARA INI.

+KITA SERING BERTANYA APKAH NILAI ISLAM YANG HENDAK DISERAPKAN OLEH KERAJAAN DAN SAYA INGIN NYATAKAN DI SINI IAITU KEBERSIHAN ADALAH SATU DARIPADANYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN SEPERTIMANA DIKEHENDAKI UMAT ISLAM BERSIH DAN TEMPAT JUGA BERSIH APABILA SUJUD KEPADA TUHAN, BEGITU JUGA ALAM YANG DIDIAMI JUGA KEADAANNYA MESTI BERSIH.

BELIAU MENEGASKAN KEBERSIHAN ADALAH PENTING DALAM KEHIDUPAN DAN SEMUA AGAMA MENGAJAR PENGIKUTNYA SUPAYA MENJAGA KEDBERSIHAN DAN MENJADIKANNYA AMALAN HARIAN DALAM KEHIDUPAN MASING-MASING.

--LAGI 1155/MD

PM-KEMPEN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBERSIHAN MEMBAWA KESEMPURNAAN HIDUP KEPADA SEMUA ORANG KERANA KALAU KEADAAN DI RUMAH BERSIH, PENGHUNINYA LEBIH TERPELIHARA DARIPADA BERBAGAI JENIS PENYAKIT YANG DIBAWA OLEH SERANGGA DAN KUMAN.

+DI SEKOLAH, KEBERSIHAN MEMBAWA KESELESAAN KEPADA MURID DAN GURU YANG MANA AKAN MENOLONG PENGAJARAN DAN PENYERAPAN ILMU DENGAN LEBIH SEMPURNA.+

+KALAU TEMPAT BERNIAGA PULA BERSIH, KITA DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PELANGGAN DAN MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LEBIH. KALAU TEMPAT KERJA KITA BERSIH, KITA DAPAT MEWUJUDKAN SUASANA KERJA YANG BAIK YANG AKAN MENIMBULKAN DAYA PENGELUARAN YANG LEBIH TINGGI.+

--BERNAMA 1200/MD